

## HADIYYAH TAKAFULINK

### KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN

a) **Tabarru'**

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana peserta-peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

b) **Wakalah**

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta-peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan kedua-dua Dana Risiko Peserta (DRP) dan Dana Pelaburan Peserta (DPP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami fikirkan sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk melabur dan mengurus DPP dan DRP, dengan syarat bahawa, sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan bertanggungjawab terhadap semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut terhadap peserta.

c) **Dana Risiko Peserta (DRP)**

Caj Tabarru' yang ditolak daripada DPP akan dikreditkan kepada DRP. Lebih daripada DRP diperuntukkan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan. Amaun yang perlu dibayar kepada peserta akan dilaburkan semula dan terkumpul dalam DPP.

d) **Dana Pelaburan Peserta (DPP)**

Sumbangan yang diperuntukkan untuk akaun akan diperuntukkan ke dalam DPP. Sumbangan itu akan diperuntukkan kepada pembelian unit, dibahagikan kepada dana terpilih dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah. Sebarang keuntungan pelaburan dari DPP akan ditunjukkan dalam harga unit. Nilai akaun adalah nilai unit dalam DPP.

Caj-caj Tabarru' dan sebarang caj-caj lain akan di tolak daripada DPP.